Papar nombor telefon polis yang jaga sekolah - Alimuddin

Oleh Saadiah Ismail - Mac 23, 2024 @ 4:07pm
saadiah_ismail@bh.com.my



Anggota polis menjalankan pemeriksaan di lokasi mayat pelajar ditemui dengan kesan beberapa kecederaan di tubuh mangsa di asrama sebuah kolej di Lahad Datu. NSTP/Ihsan PDRM

KUALA LUMPUR: Nombor telefon pegawai polis yang bertanggungjawab menjaga sekolah disaran untuk dipaparkan di premis pendidikan itu.

Saranan itu disuarakan Tokoh Pendidikan Negara, Tan Sri Alimuddin Mohd Dom, sebagai antara usaha untuk mengelak pelajar sekolah dibuli apatah lagi sehingga menyebabkan kematian.

Mengulas lanjut, katanya, langkah itu dilihat dapat membantu pelajar untuk mempertahankan diri sekiranya mereka benar-benar dibuli, selain pada masa sama mewujudkan rasa takut kepada pembuli untuk bertindak keterlaluan.

"Buli adalah isu serius dan ia tidak sepatutnya berlaku di sekolah berikutan ia adalah tempat untuk menimba ilmu, membina sahsiah pelajar dan menjadi pemimpin keluarga, masyarakat dan negara yang cemerlang pada suatu hari.

"Mereka diasuh sejak di bangku sekolah dan apabila ada kejadian seperti ini, ia seolah-olah tidak selari dengan apa yang didukung pihak sekolah," katanya.

Semalam, BH melaporkan seorang pelajar lelaki, Muhd Nazmie Aizat Muhd Narul Azwan, 17, ditemui mati di bilik asrama dipercayai dibelasah rakan di sebuah kolej vokasional di Lahad Datu, Sabah.

Siasatan polis mengenal pasti punca kejadian disebabkan perselisihan faham antara mangsa dengan penghuni asrama lain.

Sebelum ini Polis Diraja Malaysia (PDRM) dilapor menempatkan sekurang-kurangnya seorang Pegawai Perhubungan Sekolah (PPS) di setiap sekolah bertujuan mencegah pembabitan pelajar dalam penyalahgunaan dadah dan kegiatan jenayah.

Pegawai polis ini akan melakukan lawatan satu atau dua kali sebulan bagi mengumpul maklumat serta membantu pihak sekolah menyelesaikan masalah dan salah laku pelajar di sekolah.

Alimuddin berkata, selain memaparkan nombor telefon pegawai polis bertanggungjawab, pihak sekolah juga boleh mengadakan ceramah dengan kerjasama PDRM atau pun Jabatan Penjara.

"Dengan semua langkah ini sekurang-kurangnya pelajar akan tahu bahawa diri mereka sentiasa dipantau.

"Secara tidak langsung, mereka bimbang untuk melakukan kesalahan buli atau jenayah lain kerana sentiasa ditekankan bahawa setiap kesalahan dilakukan tertakluk kepada undang-undang dan boleh dipenjarakan jika bersalah," katanya.

Dalam pada itu, beliau mengingatkan percaya konsep 'Sekolah Selamat' perlu dikuatkuasakan kembali oleh pihak pengurusan bagi memastikan persekitaran dan keselamatan pelajar dari pelbagai sudut terjaga.

Katanya, konsep berkenaan penting ditekankan kembali kerana dari situ, pelajar yang berdepan masalah dapat dikesan menerusi pemantauan seperti perubahan pelajar dan sebagainya.

"Konsep itu perlu dijalankan dengan kerjasama daripada setiap peringkat lapisan di sekolah... contohnya jika ada pelajar yang berubah sikap berbanding kebiasaan, pihak sekolah perlu ambil tindakan.

"Setiap orang perlu sensitif dengan perubahan ketara pada pelajar berkenaan," katanya sambil menyifatkan peranan ibu bapa di rumah juga perlu diambil kira apabila membabitkan sikap anak masing-masing.

Katanya, pelajar yang mempunyai keinginan membuli diingatkan setiap tindakan mereka tertakluk tindakan undang-undang dan boleh dipenjarakan sekiranya didapati bersalah.

"Pelajar ini kena sedar kerana jika melakukan perkara itu, mereka boleh dipenjarakan dan masa depan akan gelap disebabkan oleh perbuatan sendiri," katanya.